

ANTOLOGI CERPEN
PEMENANG HADIAH
SASTERA PERDANA
MALAYSIA
1996-2005

CINTA SEKERDIP EMBUN



Pengenalan oleh

SASTERAWAN NEGARA
ANWAR RIDHWAN



BAWOD

Janathan Kandok

ELUNTUNG baru sahaja melangkah turun ke tanah apabila tiba-tiba kilat memancarkan sinarnya. Ibunya menjerit melarangnya turun. Beluntung tercegat di muka pintu memandang Sungai Layong yang tidak lagi nampak tebingnya. Hujan semakin lebat. Angin yang sebentar tadi agak perlahan tiupannya kini mula merbangkan air hujan dan menggoyangkan pohon-pohon pisang di halaman rumah. Air kelihatan di mana-mana, menenggelamkan rumput.

Beluntung memerhati sekeliling. Dia berasa risau tentang Bawod dan Tuyog yang belum kelihatan lagi. Tanpa menghiraukan jeritan ibunya, dia turun untuk mencari Bawod dan Tuyog. Matahari sudah terbenam dan air semakin naik. Ibunya menjerit lagi menyuruhnya naik. Beluntung melangkah perlahan menuju ke rumah. Dia memandang kecewa ke halaman rumah yang sudah kelihatan seperti tasik kecil. Bawod dan Tuyog tentu sudah mati lemas, fikirnya.

Pagi itu, Beluntung mendahului ayam turun ke tanah. Dia menyuluh sekeliling dengan lampu picit. Banjir sudah surut. Rumput diselaputi dengan lumpur kuning. Beluntung terlihat ada sesuatu bergerak-gerak menuju ke arahnya.

Seekor ular hitam sebesar tali belati menjelir-jelirkan lidahnya. Dia cepat-cepat mematikan lampu serentak melompat ke sebelah kiri. Beluntung melangkah cepat meninggalkan tempat itu. Cahaya lampu picit disinarkan lagi. Cahaya itu merayapi kawasan sekitar. Bawod dan Tuyog tidak juga kelihatan.

Cuaca mulai cerah. Halaman rumah mula kelihatan. Beluntung mula menyimpulkan bahawa Bawod dan Tuyog tentu telah mati lemas. Dia kemudian menuju ke sungai untuk membasuh kakinya yang berlumpur. Ketika melintas pokok nangka, dia terdengar sesuatu. Dia berpatah balik dan mengamat-amati sesuatu yang bergerak-gerak tidak jauh dari pohon nangka yang rimbun. Dia mendapati Tuyog sedang mengunyah di hadapan Bawod yang menggigil kesejukan.

Beluntung segera mengumpul ranting-ranting kayu dan bambu kering kemudian menyalakannya. Dia mengangkat Bawod dan meletakkannya berhampiran api. Bawod terbatuk-batuk apabila tersedut asap tebal. Nyamuk berterbangan dan Tuyog mendengus apabila api membesar. Bawod masih lagi tidak bergerak.

Beluntung berlari memetik pucuk ubi kayu. Sebentar dia hilang dalam kebun ubi kayu. Beberapa saat kemudian dia berlari lintang-pukang. Bibir atasnya disengat tebuhan. Dia segera menghampiri Bawod. Dia terpempan sejurus. Seekor ular tedung bersedia menyerang Bawod. Beluntung perlahan-lahan mencapai sebatang kayu dan membaling ular itu. Tidak kena. Ular itu berpaling menghadapi Beluntung. Dia lari lintang-pukang dari situ. Beluntung meloncat naik ke belakang Tuyog. Tuyog terkejut dan lari tetapi berhenti apabila menyedari Beluntung yang menunggangnya. Beluntung mencari-cari ular itu tetapi tidak kelihatan. Bawod menjerit-jerit, Beluntung turun dan berlari mendapatkan Bawod.

Beberapa ekor semut merah menggigit-gigit badan Bawod, terutamanya pada bahagian telinga kiri. Beluntung menyapu-nyapu badan Bawod dengan pucuk ubi kayu.

BAWOD

Semut-semut itu berjatuh. Ada juga yang masih melekat di badan, Beluntung memicit-micit seekor dua semut itu sehingga hancur. Melihat Bawod sudah tenang, Beluntung merapatkan pucuk kayu ke mulut Bawod. Bawod mengunyah daun itu perlahan-lahan.

Beluntung menyandang beg kanvas hijau tua sementara tangan kirinya memegang karung guni. Di hadapannya, Tuyog tertambat di pohon nangka. Beluntung mengusap-usap pangkal ekor Tuyog. Ekornya melentik. Tuyog bertambah jinak dan mesra. Beluntung meletakkan karung itu di belakang Tuyog. Dia mengusap-usap pangkal ekornya lagi sebelum membuka tali tambatan, kemudian naik ke belakang Tuyog.

Bawod yang sejak tadi menjerit-jerit kini bertambah-tambah kuat jeritannya. Bawod mengekori Tuyog yang mula menjajakan kaki di tebing Sungai Layong. Tuyog menguak dan berhenti langkah. Beluntung mengasak-asakkan kedua-dua belah kaki ke tulang rusuk Tuyog beberapa kali. Tuyog melangkah kembali. Beluntung cepat-cepat memegang ekor Tuyog apabila Tuyog turun ke sungai. Ekor itu dipegangnya kuat-kuat. Dia takut terlorot ke leher Tuyog atau terjatuh ke dalam sungai. Bawod masih juga menjerit-jerit. Apabila Tuyog masih juga berjalan, Bawod berlari-lari ke hulu hilir tebing sungai itu. Tuyog dan Beluntung kini sudah menyeberangi sungai. Bawod masih lagi menjerit-jerit.

Beluntung berasa lega. Sungai sudah diseberangi. Tuyog kadang kala bertabiat juga. Jika datang anginnya, dia berendam dan kadang-kadang menyelam lama-lama terutama waktu matahari terik. Sudah satu kilometer dilalui. Tuyog berjalan perlahan-lahan.

Murid-murid baru sahaja masuk ke kelas. Tidak seorang pun kelihatan di luar kecuali guru besar yang sedang memerhati halaman Sekolah Rendah Kerajaan Timbang Pasir. Beluntung menambat Tuyog pada pohon kelapa. Tempat itu terlindung daripada cahaya matahari dan banyak rumput. Dia mengetatkan tali kemudian bergegas

ke kelasnya. Ketika hendak duduk, Beluntung teringat hanya tinggal dua bulan lagi akan diadakan peperiksaan darjah enam. Aku mesti lulus dengan cemerlang, bisik hatinya. Tidak lama kemudian, Cikgu Rambayut masuk untuk mengajar mata pelajaran Ilmu Alam. Beluntung mendengar dengan hati-hati setiap patah perkataan yang diucapkan oleh gurunya.

Loceng rehat kedengaran. Beluntung terus berlari mendapatkan Tuyog. Beluntung membayangkan jikalah Bawod ada, tentulah Tuyog tidak kesunyian. Bawod boleh makan bersama-sama. Akan tetapi Bawod mana boleh menyeberangi sungai. Bawod takut akan air. Bawod memang takut akan air. Perjalanan ke sekolah terpaksa melintasi enam buah sungai. Dua daripadanya lebih kurang enam depa lebarnya dan yang lain-lain tidak begitu lebar tetapi agak dalam. Bawod takut akan air, takut akan hujan, mana boleh menyeberang sungai. Air sungai sejuk.

Ketika Beluntung masuk ke kelasnya, rakan-rakan sekelas berbisik-bisik sebelum mencuri-curi pandang kepada Beluntung. Murid-murid menekup hidung sebaik-baik sahaja Beluntung lalu di hadapan mereka.

“Bau kerbau!”

Entah siapa yang menjerit. Akan tetapi Beluntung diam sahaja. Tidak lama kemudian gurunya muncul. Beluntung berdiri dan bertanya kenapa kerbau suka makan garam.

“Bodoh macam kerbau, asyik tanya saja,” bisik budak gemuk dan pendek di sebelah Beluntung. Apabila dia memandang, budak itu cepat-cepat tunjukkan penumbuk dan bersedia untuk bertumbuk.

Beluntung diam sahaja. Buat apa bertumbuk, fikir Beluntung. Kalau mahu lawan, lawanlah siapa dapat markah tinggi. Siapa dapat nombor satu dalam kelas. Kenapa orang benci aku? Tanyanya dalam hati. Orang bilang aku bau kerbau. Memanglah, tapi apa boleh buat. Kalau aku tidak naik kerbau, aku tidak boleh datang ke sekolah. Jalan berlumpur. Hanya kerbau sahaja yang boleh berjalan pantas meredah lumpur.

BAWOD

Hujan yang turun renyai-renyai sejak semalam berlarutan hingga ke pagi. Cuaca sejuk. Beluntung memakai baju hujan warna kuning. Melihat Beluntung menghampiri Tuyog, Bawod menjerit-jerit. Tuyog pula menguak. Apabila Beluntung menunggang Tuyog, Bawod semakin menjerit-jerit. Bawod mengekori Tuyog hingga ke tebing sungai. Beluntung tidak lagi terusik dengan keadaan itu. Tuyog terus sahaja menyeberangi sungai. Tiba-tiba hujan turun dengan lebat. Bawod diam sebentar tidak tahu apa harus dilakukan. Tiba-tiba kilat bersinar disusuli dengan dentuman petir yang kuat. Bawod terkejut lalu terjun ke sungai untuk mengejar Tuyog. Akhirnya Bawod berjaya juga menyeberangi sungai.